

Amalan *Ta'awun* dalam Piagam Madinah Membentuk Kesejahteraan Insan
The Practice of *Ta'awun* in the Medina Charter Towards Achieving Human Prosperity

ZALEHA EMBONG¹, MOHD ZULHAFIZ SAID^{*2} & DIAN MOHAMMAD HAKIM³

¹Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan (PEMIKIR), Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, 16300 Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

²Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

³Universitas Islam Malang, Jl. Mayjen Haryono, 193 Malang Jawa Timur, Indonesia

*Corresponding Author; email: mohdzulhafiz@upm.edu.my

Received: 31 January 2024/ Revised: 1 April 2024/ Accepted: 2 April 2024/

Publish: 1 December 2024

ABSTRAK

Piagam Madinah merupakan sebuah perlembagaan yang dibentuk berdasarkan nilai-nilai sejagat yang berjaya menyatupadukan masyarakat majmuk di Madinah. Nabi Muhammad SAW menggubal piagam ini untuk mentadbir urus Madinah supaya masyarakat majmuk dapat diurus dengan adil dan harmoni. Madinah sebelum kedatangan Islam mengalami masalah sosial, ekonomi dan politik kerana tiada sistem yang mengatur kehidupan masyarakat. Perkara ini menyebabkan masyarakat hidup dalam konflik, pergaduhan, rasuah, penipuan dan diskriminasi. Piagam Madinah ini mengandungi amalan ta'awun seperti prinsip toleransi, kasih sayang, keadilan, tanggungjawab dan menghormati bagi menyelesaikan isu masyarakat Madinah. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan ta'awun dalam Piagam Madinah dan peranannya dalam membentuk kesejahteraan insan. Kaedah pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dan temu bual mendalam digunakan dalam penelitian ini. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan mendapati bahawa amalan ta'awun dalam Piagam Madinah telah mewujudkan suasana aman, rasa kebersamaan, terjalannya ukhwa islamiyyah dan kesejahteraan insan dalam masyarakat majmuk di Madinah. Kesejahteraan insan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW secara kolektif dalam Piagam Madinah telah mengukuhkan jati diri ummah dan menambah kekuatan Madinah.

Kata kunci : Ta'awun; Piagam Madinah; masyarakat majmuk; kesejahteraan insan

ABSTRACT

The Medina Charter was a constitution formed based on universal values that succeeded in uniting the plural society in Medina. Prophet Muhammad PBUH drafted this constitution to govern the affairs of Medina so that the plural society could be managed fairly and harmoniously. Medina, before the arrival of Islam, experienced social, economic and political problems because there was no system in place to govern community life, leading to conflict, fighting, corruption, fraud and discrimination. The Medina Charter contains ta'awun practices that embody the principles of tolerance, love, justice, responsibility and respect to resolve the issues of the Madinah community. This article aims to identify the practice of ta'awun in the Medina Charter and its role in shaping human well-being. Data collection methods, such as library methods and in-depth interviews, are used in this research. Content analysis was used to analyze the data obtained. The results found that the practice of ta'awun in the Medina Charter has created an atmosphere of peace, a sense of togetherness, the interweaving of Islamic brotherhood and the well-being of people in a pluralistic society in Medina. Human well-being developed by the Prophet PBUH in the Medina Charter has strengthened the identity of the ummah and increased the strength of Medina.

Keywords: Ta'awun; Medina Charter; plural society; human prosperity

PENGENALAN

Ramai sarjana Barat telah mengkaji sejarah tamadun Islam dan kagum dengan kejayaan Nabi Muhammad SAW menyatupadu masyarakat majmuk di Madinah (Watt 1956; Yildirim t.t.; Ibn Ishaq 1970; Ahmad Izzuddin 2018). Baginda SAW melaksanakan amalan *ta'awun* dalam Piagam Madinah dan menjadi faktor kecemerlangan tamadun Islam apabila masyarakat majmuk saling bekerjasama dalam mempertahankan Madinah (Aunur Rafiq 2009; Mohamad Nurhakim 2008).

Sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW di Madinah, masyarakatnya mempunyai semangat *asabiyyah* yang tinggi sehingga sanggup berperang kerana mempertahankan suku puak masing-masing. Oleh sebab itu, masyarakat Madinah sering berperang walaupun melibatkan isu kecil. Peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah telah membuka lembaran baru kepada masyarakat Madinah. Kedatangan Islam telah mengubah semangat *asabiyyah* yang dipegang oleh masyarakat Madinah kepada hubungan bersatu padu. Nabi Muhammad SAW selaku ketua negara telah menggubal Piagam Madinah yang bertujuan mengurus dan membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk.

Selaku ketua negara, Nabi Muhammad SAW telah menyelesaikan beberapa masalah melalui tindakan iaitu pertama, mengariskan hak dan tanggungjawab orang-orang Islam dan penduduk tempatan Madinah. Kedua, memuliakan orang Islam yang berhijrah. Ketiga persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama orang Yahudi. Keempat, penyusunan soal politik dan pertahanan Madinah. Kelima, bayaran pampasan terhadap kerugian atau kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh orang yang berhijrah.

Melalui Piagam Madinah juga, Nabi Muhammad SAW telah mengiktiraf setiap etnik sebagai warganegara dan seluruh masyarakat Madinah perlu saling menghormati serta bekerjasama dalam mewujudkan suasana aman di Madinah. Hasilnya, etnisiti ini menjadi simbol kekuatan Madinah apabila seluruh masyarakat berganding bahu dalam mempertahankan Madinah daripada ancaman musuh. Piagam Madinah juga berjaya mengurus masyarakat majmuk dan mewujudkan kesejahteraan insan kerana peraturan yang ditetapkan membentuk ihsan, akhlak dan mengikat rasa kebersamaan dalam masyarakat.

TINJAUAN LITERATUR

TA'AWUN

Menurut Deller (2003) dan Shoup (2008), amalan saling membantu dan bekerjasama amat penting dalam masyarakat majmuk bagi menjamin kepentingan bersama. Amalan ini boleh membina hubungan yang baik dan membolehkan masyarakat bekerja secara kumpulan serta membuka peluang kepada masyarakat majmuk untuk berjaya. Al-Qur'an turut menyebut kepentingan amalan *ta'awun* sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud (Q.S Al- Maidah : 2):

“Dan tolong-menolong kamu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan dan jangan tolong-menolong dalam perkara dosa dan kemungkaran”.

Menurut Hamka (1990:1601), ayat ini menjelaskan bahawa manusia diperintahkan oleh Allah SWT supaya saling membantu dalam melakukan perkara kebaikan dan bermanfaat untuk mencapai ketakwaan. Manusia dilarang daripada melakukan perkara dosa, menimbulkan permusuhan dan menyakiti sesama manusia. Menurut Ahmad Mustafa al-Maraghiy (2001:1473-1474), *ta'awun* merupakan amalan yang diajarkan oleh al-Qur'an supaya manusia melaksanakan kebajikan. Pertolongan yang dihulurkan perlu membawa kebaikan kepada individu, masyarakat dan negara. Pada zaman Rasulullah SAW masyarakat melaksanakan tanggungjawab dan bekerjasama dalam mengerjakan kebajikan demi kepentingan Islam. Lukman @ Zawawi Mohamad (2022) dan Shukeri Mohamad (2022) pula berpendapat bahawa amalan *ta'awun* merupakan prinsip asas dalam Islam sebagaimana yang dijelaskan dalam surah *al-Ma'idat* ayat 2. Amalan *ta'awun* yang diseru oleh Islam hanya dilaksanakan dalam perkara kebaikan dan bukan dalam perkara kemungkaran.

Manakala, hadis yang menyebut perihal *ta'awun* seperti yang diriwayatkan oleh Nukman bin Basyar r.a. katanya, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda maksudnya (HR. Al-Bukhari No. 1701) :

“Kamu melihat orang yang beriman itu saling mengasihi, mencintai dan membantu seperti sebatang tubuh. Sekiranya salah satu anggota tubuh terasa sakit, seluruh tubuh akan terasa sakit dan menderita sehingga tidak dapat tidur”.

Lantaran itu, prinsip-prinsip seperti toleransi (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985; Zulkifli Hussin 2003; Aunur Rafiq 2009; Mat Saad

Abd Rahman 1995), kasih sayang (Afzal Iqbal 2000; Khalid Muhammad Khalid 1994), hormat-menghormati (Abu Hanifah Ali 1975; Yusri Mohamad Ramli & Tengku Ghani Tengku Jusoh 2012), keadilan (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985; Ali Abdul Raziq 2004; Majid Khadduri 1994) dan tanggungjawab (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985; Mustafa Ramadhan 1991; Abdullah Abu Bakar 1995) wujud dalam Piagam Madinah sehingga berjaya membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk (Awang & Mohd Hambali 2017). Hasilnya, Madinah menjadi sebuah negara yang aman dan harmoni serta bebas daripada keganasan (Zaleha Embong et al. 2023).

Prinsip-prinsip ini dilihat saling melengkapi dan berjaya mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat majmuk di Madinah (Embong et al. 2021). Amalan *ta'awun* dalam konteks artikel ini merangkumi prinsip toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah.

KESEJAHTERAAN INSAN

Sejahtera bermaksud, aman dan makmur, senang dan tenteram dan juga terpelihara daripada bencana (kesusahan, gangguan, dll). Sejahtera merupakan perkara yang penting dalam kehidupan setiap insan bagi mengekalkan keharmonian. Perubahan kehidupan masyarakat yang semakin mencabar apabila umat Islam, berhadapan dengan pemikiran dan fahaman songsang, kejahatan akhlak, kesempitan hidup dan pelbagai lagi.

Manakala, insan merupakan makhluk ciptaan Allah yang terbaik sebagai hamba dan khalifah di muka bumi berbekalkan akal fikiran yang dianugerahkan. Bagi menepati tujuan penciptaan tersebut, insan perlu mengenal konsep dirinya dan mengetahui potensi yang dimiliki bagi memastikan setiap tindakan dan perlakuannya adalah yang terbaik dan sempurna, selaras dengan tujuan penciptaannya (Che Zarrina & Mohd Manawi 2017).

Istilah insan diambil daripada al-Quran yang merujuk kepada manusia yang menyeluruh dan sepadu. Kata insan diambil dari kata *uns* yang bererti jinak, harmoni dan tampak atau kata *nasiya* yang bererti lupa. Al-Quran sebagai indikator utama bagi umat Islam mendefinisikan insan sebagai manusia. Istilah *al-Insan* dalam Al-Quran digunakan untuk menggambarkan keistimewaan manusia. Manusia merupakan makhluk yang berilmu serta

memiliki kemampuan untuk mengembangkan ilmunya. Bagi membezakan taraf dan darjat manusia dengan makhluk lain, manusia dianugerahkan akal. Pemberian yang berharga ini menyebabkan manusia makhluk yang istimewa disisi Allah. Kesejahteraan insan dalam artikel ini merujuk kepada keadaan kesejahteraan masyarakat Madinah hasil daripada didikan Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah. Prinsip toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab berjaya menyatupadukan masyarakat sehingga mewujudkan suasana harmoni (Surya et al. 2002).

PEMBENTUKAN PIAGAM MADINAH

Menurut kajian Mohd Nazmi, Surya dan Syamsul (2020), Rasulullah SAW menggubal Piagam Madinah merangkumi aspek politik, agama, ekonomi, sosial, perundangan dan pertahanan termasuk kedudukan Yahudi yang juga diberi jaminan keselamatan selagi mematuhi Piagam Madinah. Hal ini sama seperti yang dilakukan Rasulullah SAW ketika mengikat persaudaraan antara suku Aus dan Khazraj yang dahulunya bermusuhan, berperang dan hasad dengki di antara mereka berubah kepada hubungan kasih sayang (Zaleha Embong et al. 2023).

Matlamat Piagam Madinah adalah untuk mengatur hubungan dan menyelesaikan masalah dalam kalangan masyarakat majmuk di Madinah. Piagam Madinah disiapkan pada tahun pertama dan kedua Hijrah yang mengandungi 47 Fasal serta dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi Fasal 1 hingga 23 menyentuh perhubungan Muhajirin dan Ansar yang disiapkan sebelum berlakunya Perang Badar. Manakala, Fasal 24 hingga 47 berhubung hak dan kewajipan kaum Yahudi yang disiapkan selepas Perang Badar (Mat Saad Abd. Rahman 1995:38; Zul-kifli Hussin 2003). Piagam Madinah merupakan strategi Nabi Muhammad SAW untuk menyusun semula sistem politik dan sosial di Madinah. Pada ketika itu, Madinah memerlukan sistem pentadbiran yang teratur bagi mengurus masyarakat majmuk dan mengukuhkan kekuatan untuk menghadapi pelbagai ancaman.

Selain itu, Piagam Madinah menyentuh persoalan seperti hak dan kewajipan pemerintah serta orang yang diperintah, perundangan, keadilan, susunan pertahanan, kedudukan ketua negara, layanan terhadap masyarakat bukan Islam, jaminan kemasyarakatan dan pengertian ummah (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985). Menurut Che

Bakar Che Mat et al. (2007:27), terdapat sembilan perkara utama dalam Piagam Madinah iaitu pembentukan ummah, hak asasi manusia, persatuan agama, persatuan segenap warganegara, golongan minoriti, tugas warganegara, melindungi negara, pimpinan negara dan menjamin perdamaian. Dalam piagam ini, Rasulullah SAW mengamalkan prinsip toleransi, tanggungjawab, keadilan, kasih sayang dan hormat-menghormati untuk mengurus masyarakat majmuk. Hal ini menunjukkan kesungguhan Nabi Muhammad SAW untuk mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian di bawah pemerintahan Islam.

METODOLOGI

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual secara mendalam terhadap tiga pakar bidang Perundangan Islam dan Piagam Madinah iaitu Lukman Zawawi Mohamad, Shukeri Mohamad dan Wan Kamal Mujani. Temu bual ini telah dilakukan secara atas talian.

Temu bual mendalam dilakukan bagi mendapatkan perspektif dan hubung kait berkenaan Piagam Madinah dan kesejahteraan insan di Madinah. Kaedah kepustakaan turut digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian seperti artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan sebagainya. Kaedah analisis kandungan pula diguna pakai bagi menganalisis data yang diperoleh.

Artikel ini menumpukan kepada amalan *ta'awun* yang merangkumi prinsip toleransi, prinsip kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah. Prinsip ini telah berjaya membina kesejahteraan insan di Madinah sehingga menjadi sebuah negara yang aman dan harmoni. Malah, Madinah menjadi sebuah negara yang disegani kerana hubungan kerjasama masyarakat majmuk dalam mempertahankan negara mereka.

PERBINCANGAN

Amalan *ta'awun* dalam piagam ini telah berperanan penting membina hubungan kerjasama dan mewujudkan kesejahteraan insan di Madinah. Strategi Nabi Muhammad SAW dalam mengatur masyarakat majmuk telah memberi kesan kepada kestabilan sosiopolitik dan ekonomi Madinah. Amalan *ta'awun* yang berjaya membina hubungan

kerjasama dan kesejahteraan insan dalam masyarakat majmuk dibincangkan melalui beberapa prinsip iaitu toleransi, prinsip kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab.

Amalan *ta'awun* ini telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah sehingga berjaya mengurus masyarakat majmuk. Shukeri Mohamad¹ berpendapat bahawa prinsip toleransi dalam Piagam Madinah menunjukkan kasih sayang yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW terhadap masyarakat bukan Islam. Menurut Muhammad Tahir Ul Qadri (2012) pula, Piagam Madinah berjaya melindungi hak asasi manusia, melindungi hak-hak wanita, hak budaya, kebebasan beragama dan hak-hak minoriti. Manakala, Abdul Monir Yaacob (1986) berpandangan bahawa Piagam Madinah telah mewujudkan masyarakat yang saling membantu dalam melakukan keadilan dan kebaikan. Hal ini kerana prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah digubal berasaskan kepada al-Qur'an dan hadis (J. Suyuthi Pulungan 1993; Ibrahim Che' Noh 2001).

PRINSIP TOLERANSI

Sebelum kedatangan Islam, struktur masyarakat Madinah adalah secara berasingan dan berpuk-puk. Malah, Madinah tidak mempunyai susunan sistem politik kerana masyarakatnya sering berkonflik untuk menguasai bidang ekonomi dan politik (Zaleha Embong et al. 2018). Menurut Ali Husni al-Kharbutli (1969), sebanyak 12 kali peperangan yang pernah berlaku antara kaum Aus dengan Khazraj. Namun begitu, struktur masyarakat Madinah berubah setelah kedatangan Islam. Sebagai agama yang syumul dan universal, Islam bukan sahaja mengatur bentuk hubungan yang baik secara aman dan damai sesama muslim bahkan turut mengatur bentuk hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam (Ahmad Munawar Ismail & Abdul Muhaimin Mahmood 2022). Masyarakat Madinah berada dalam satu unit politik yang sama dan mempunyai hubungan kerjasama yang baik (Izzuddin, 2008; Nik Abdul Aziz Nik Mat & Azrul Hakim Suradi 2012). Nabi Muhammad SAW melaksanakan prinsip toleransi dalam Piagam Madinah sehingga terbentuk hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk (Ahmad Nasir et al. 2021).

Pengiktirafan masyarakat bukan Islam sebagai warganegara melalui konsep ummah menunjukkan prinsip toleransi yang dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam Piagam Madinah (Hughes

1985). Hal ini telah berjaya mengubah masyarakat untuk menghormati kepelbagaian agama, bahasa, suku kaum, budaya dan adat (Watt 1956; Yahaya Yusof 2014; Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985). Keadaan ini membolehkan masyarakat majmuk dapat menjalin hubungan kerjasama untuk mempertahankan Madinah. Seiring dengan pandangan Wan Kamal Mujani (2023) iaitu:

“Masyarakat Madinah menghormati dan menerima perbezaan yang wujud antara mereka. Mereka juga bekerjasama mempertahankan Madinah daripada ancaman musuh”.

Menurut Aunur Rafiq (2009), Adian Husaini (2010), Zul-kifli Hussin (2003), Abubakar Aceh (1970) dan Akram Diya' Al-Umari (2000), prinsip toleransi yang tercatat dalam Piagam Madinah telah mewujudkan persefahaman dan memberi peluang kepada masyarakat majmuk untuk membina hubungan kerjasama. Oleh sebab itu, masyarakat majmuk menjadi simbol kekuatan kepada Madinah (Mat Saad Abdul Rahman 1995).

Prinsip ini turut berperanan menyatukan masyarakat majmuk apabila pemberian hak dilakukan secara adil dan jaminan kebebasan beragama. Masyarakat Islam dan bukan Islam saling menghormati pegangan agama masing-masing. Baginda SAW tidak mengambil tindakan terhadap kaum yang menolak seruan Islam malah menghormati keputusan mereka (Roziyah Sidik 2004). Menurut Ramli Awang (2003), Islam berjaya menyatukan masyarakat majmuk kerana pelaksanaan konsep tauhid (keesaan Allah SWT) yang tidak membeza-bezakan manusia. Masyarakat majmuk berasa aman berada di bawah pemerintahan Islam sebagaimana pendapat Shukeri Mohamad (2022) bahawa:

“Amalan toleransi telah menyatupadukan masyarakat majmuk kerana masyarakat bukan Islam diberi jaminan kebebasan beragama”.

Di samping itu, prinsip toleransi berjaya mengatur perhubungan masyarakat apabila setiap suku kaum disebut satu persatu sebagai pengiktirafan hak mereka sebagai warganegara bersama-sama masyarakat Islam (Ali Khan 2006). Menurut Afzal Iqbal (2000), Maher Abu-Munshar (2007) dan Abd al-Fattah El-Uwasi (2007), kejayaan Islam di Madinah ekoran kestabilan hubungan antara masyarakat majmuk.

PRINSIP KASIH SAYANG

Menurut Sumartono (2004) dan Siti Norlina et al. (2004), kasih sayang adalah sumber kekuatan yang boleh memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada manusia. Pengabaian kasih sayang akan mewujudkan kebencian, kekerasan, penindasan dan sebagainya. Oleh sebab itu, prinsip kasih sayang telah dipraktikkan oleh Rasulullah SWT dalam Piagam Madinah. Prinsip kasih sayang ini telah membawa perubahan yang besar terhadap perhubungan masyarakat majmuk di Madinah (Ahmad Nasir et al. 2021). Misalnya, konflik antara suku kaum Aus dan Khazraj yang berlangsung sekian lama disatukan dengan ikatan kasih sayang (Afzal Iqbal 2000).

Prinsip kasih sayang telah mewujudkan wujudnya sifat ihsan dalam diri manusia. Ihsan ialah kebaikan atau perbuatan yang baik, yang dilakukan oleh manusia di muka bumi ini hasil gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan (Nozira Salleh & Maryam Zulaikha Ramlan 2023). Malah, prinsip ini juga menyebabkan masyarakat saling membantu dalam hal kemasyarakatan. Sistem kesukuan dan kabilah dapat dihapuskan serta digantikan dengan hubungan persaudaraan yang erat (Shaikh Sofiy al-Rahman al-Mubarakfuri 2011). Masyarakat bukan Islam turut diberi perlindungan dan dilarang melakukan kezaliman ke atas mereka (Embong, Musa, Muslim, & Bukhari 2020). Mereka diberi jaminan keselamatan oleh Rasulullah SAW selagi mereka mematuhi dan menghormati Piagam Madinah (Mat Saad Abd. Rahman 1995; Roziyah Sidik 2004).

Prinsip ini berperanan melindungi orang yang lemah dan menjaga persaudaraan Islam. Menurut Embong et al. (2021) dan Denny (1977), Fasal 15 membuktikan sikap pemerintah yang prihatin kerana memberi perlindungan yang sama rata serta jaminan daripada Allah SWT. Fasal 15 menyebut:

“Bahawa jaminan Allah SWT itu adalah satu dan sama. Melindungi nasib orang yang lemah daripada perbuatan mereka. Bahawa orang mukmin hendaklah saling menjamin sesama sendiri terhadap (gangguan) orang lain”.

Prinsip ini berjaya mengubah masyarakat Madinah daripada sikap menindas kepada sikap prihatin terhadap golongan yang lemah seperti kaum wanita, kanak-kanak, anak yatim, orang kurang

upaya dan orang tua (Wan Kamal Mujani 2022). Prinsip ini seiring dengan firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 83 yang bermaksud:

“...dan berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang miskin. Dan katalah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik. Dan dirikan solat serta berikan zakat”.

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW sentiasa menyeru masyarakat supaya membantu golongan fakir dan miskin walaupun berbeza agama dan suku kaum. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (HR. Ahmad No. 18, 196):

“Daripada Muawiyah, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda “Tiada seorang pemimpin yang menutup pintunya untuk menghalang orang yang berhajat yakni memerlukan dan orang miskin, melainkan Allah menutup pintu-pintu langit, tidak memenuhi keperluan dan kemiskinannya”.

Prinsip kasih sayang juga wujud dalam Fasal 16. Fasal ini menjelaskan masyarakat Islam perlu menghulurkan bantuan kepada masyarakat bukan Islam yang mengalami masalah. Menurut Ahmad Ibrahim dan Dzafar El-Qasimy (1985), masyarakat Yahudi yang taat setia kepada negara mempunyai hak untuk mendapat pertolongan. Malah, tidak boleh melakukan penganiayaan dan kezaliman terhadap mereka. Fasal 16 menyebut:

“Bahawa orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapat pertolongan dan pimpinan dengan tidak menzalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka”.

Selain itu, Fasal 18 menjelaskan kerjasama yang perlu dilakukan oleh masyarakat majmuk apabila mengalami sebarang ancaman. Fasal ini membuktikan wujudnya kasih sayang supaya masyarakat saling mengambil berat. Menurut Wan Kamal Mujani (2023), pelaksanaan keadilan oleh Rasulullah SAW dalam pemerintahan merupakan gambaran kasih sayang kepada masyarakat majmuk. Fasal 18 menyebut:

“Bahawa setiap serangan terhadap kita hendaklah dikira sebagai serangan terhadap semua. Oleh itu, hendaklah disilih ganti tenaga menentangnya”.

Fasal-fasal ini jelas membuktikan bahawa wujudnya suasana kesejahteraan insan kepada masyarakat di Madinah apabila masyarakat saling menghulurkan bantuan walaupun berbeza agama, bahasa dan suku kaum.

PRINSIP HORMAT-MENGHORMATI

Dalam Piagam Madinah dilihat wujud prinsip hormat-menghormati. Rasulullah SAW mengiktiraf seluruh masyarakat Madinah sebagai satu ummah supaya masyarakat saling menghormati dan bekerjasama mempertahankan Madinah. Masyarakat Islam telah dilarang mengganggu dan mengabaikan hak masyarakat bukan Islam (Mustafa Al-Siba'ei 1985). Zaleha Embong et al. (2023) berpendapat prinsip hormat-menghormati wujud dalam Piagam Madinah apabila seluruh anggota masyarakat diiktiraf hak mereka sebagai warganegara.

Menurut Shukeri Mohamad (2022), prinsip hormat-menghormati wujud antara golongan pemerintah dengan yang diperintah. Masyarakat Madinah mengiktiraf Rasulullah SAW sebagai ketua negara dan menjadi rujukan dalam sebarang masalah. Hal ini turut sependapat dengan Ahmad Ibrahim dan Dzafar El-Qasimy (1985) serta Abu Hanifah Ali (1975). Roziah Sidik (2004), Abdul Monir Yaacob (1986) dan Watt (1956) turut berpendapat apabila timbul perbezaan dan pertelingkahan maka perlu menyelesaikan mengikut hukum Allah SWT dan keputusan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW mempunyai kuasa tertinggi dan menjadi tempat rujukan sebagaimana tercatat dalam Fasal 23 dan 42. Fasal 23 menyebut bahawa:

“Walau bagaimana berbalahnya kamu sekalipun dalam sesuatu perkara hendaklah merujuk perkara itu kepada Allah SWT dan kepada Muhammad SAW”.

Fasal 42 pula menyebut:

“Bahawa apa jua kemungkaran (bunuh) atau apa juga pertengkaran antara sesama peserta Piagam ini sekiranya dikhuatiri membawa bencana maka hendaklah dirujuk kepada hukum Allah SWT dan penyelesaian oleh Muhammad SAW, Pesuruh Allah dan Allah SWT menyaksi kebaikan isi kandungan Piagam ini dan merestuinnya”.

Prinsip ini juga dapat dilihat dalam Fasal 40 yang menjelaskan kewajipan masyarakat melindungi dan menghormati jiran tetangga. Roziah Sidik (2004) berpendapat dalam Fasal 40 menerangkan tanggungjawab setiap anggota masyarakat bertanggungjawab terhadap jiran mereka. Menurut Rohmat Jusoh (1982) dan Rohani Dollah (1978), Islam menekankan kepentingan menghormati jiran tetangga dan merupakan salah satu faktor yang dapat menyempurnakan iman. Institusi kejiranan diumpamakan seperti batuan binaan yang kukuh dalam komuniti kerana asas hubungan sesama

masyarakat agar tidak rapuh dalam meneruskan kehidupan bersosial (Abu Dzar Ahmad et al. 2023; Sharep 2018) Masyarakat perlu menghulurkan bantuan dan menjaga keselamatan jiran tetangga sekiranya ditimpa masalah. Fasal 40 menyebut:

“Bahawa jiran tetangga hendaklah diperlakukan seperti diri sendiri, tidak boleh dilakukan terhadapnya sebarang bahaya dan dosa”.

Prinsip ini juga dapat dilihat dalam Fasal 41 yang menerangkan hak kaum wanita yang perlu dihormati. Menurut Che Bakar Che Mat et al. (2007), Islam mengiktiraf dan memuliakan kaum wanita dengan memberi jaminan perlindungan dan keselamatan. Kehormatan wanita wajib dipelihara pada semua keadaan dan dilarang mencemarkan maruah wanita. Dalam Fasal 41 telah menjelaskan hak kaum wanita iaitu:

“Tidak boleh dihampiri sebarang kehormatan wanita melainkan dengan izin keluarganya sendiri”.

Fasal ini jelas membuktikan Islam mengiktiraf hak wanita berbeza dengan zaman jahiliah yang tidak mengiktiraf dan memandang rendah kepada kaum wanita sebagaimana yang digambarkan dalam surah *al-Nahl* ayat 58 hingga 59. Pada zaman itu, kaum wanita berada di bawah pengaruh golongan berkuasa dan diperdagangkan seperti barang-barang keperluan. Malah, masyarakat jahiliah turut membunuh bayi perempuan kerana dianggap pembawa sial (Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri 2011).

Fasal-fasal dalam Piagam Madinah ini mendidik masyarakat Madinah untuk menghormati undang-undang, pemimpin, jiran tetangga dan kaum wanita. Hal ini mewujudkan rasa kebersamaan dan aspek keselamatan lebih terjamin. Setiap warganegara patuh kepada undang-undang yang ditetapkan dan hal ini mewujudkan suasana sejahtera serta harmoni dalam masyarakat Madinah.

PRINSIP KEADILAN

Prinsip keadilan bertujuan membebaskan manusia daripada kezaliman dan penindasan (Abdul Aziz et al. 2016; Nik Abdul Aziz Nik Mat & Azrul Hakim Suradi 2012). Keadilan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW berjaya mewujudkan kestabilan sosiopolitik Madinah (Lukman @ Zawawi Mohamad 2022 & Naeem Siddiqi 1982). Prinsip ini merupakan matlamat perjuangan Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kami mengutuskan para Rasul bagi membawa bukti-bukti yang nyata. Kami turunkan bersama mereka kitab dan neraca keadilan supaya manusia dapat melaksanakan keadilan”. (*Al-Hadid*, 57:25)

“Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanah pada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, hendaklah kamu menetapkan dengan adil. Sungguh Allah SWT sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Melihat”. (*Al-Nisa*’, 4:58)

Menurut Yusuf al-Qardhawi (1999), Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah agar manusia melaksanakan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Oleh sebab itu, Islam menekankan prinsip keadilan dalam kehidupan manusia. Menurut Syed Hussein Alatas (1996), keadilan sosial merupakan tuntutan mutlak yang diperlukan dalam sesebuah negara bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat.

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengubal Piagam Madinah berasaskan prinsip keadilan. Dalam Fasal 21 misalnya menerangkan tentang kesalahan membunuh yang dilakukan tanpa bukti yang kukuh akan dibalas dengan hukuman *qisas* kecuali walinya setuju untuk menerima ganti *diat*. Hukuman *qisas* dan *diat* bertujuan menjaga hak manusia untuk hidup di samping menjaga kerukunan dan menjamin keamanan (Siti Aisyah Samudin 2021; Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985). Fasal 21 menyebut bahawa:

“Barang siapa membunuh dengan sewenang-wenangnya akan seorang mukmin dengan tidak ada bukti yang cukup hendaklah dihukum bunuh balas kecuali jika dipersetujui oleh wali yang kena bunuh menerima ganti darah. Orang Mukmin hendaklah bersatu mengutuk perbuatannya itu, bahkan tidak harus bagi mereka melainkan menegakkan terhadapnya”.

Selain itu, prinsip ini juga dapat dilihat dalam Fasal 22 yang menjelaskan tanggungjawab setiap anggota masyarakat supaya tidak membantu dan memberi perlindungan kepada seseorang yang melakukan kesalahan. Ahli masyarakat yang memberi perlindungan kepada pesalah akan dianggap bersalah dan menerima kemurkaan Allah SWT di akhirat kelak. Malah, ganti rugi untuk melepas diri daripada menerima hukuman juga tidak diterima. Fasal 22 menyebut:

“Bahawa tidak harus bagi orang mukmin yang mengakui isi kandungan Piagam ini dan percaya kepada Allah SWT dan Hari Kemudian menolong orang yang mencabul atau melindungi orang tersebut. Barang siapa menolong orang tersebut maka ke atasnya laknat Allah SWT dan kemurkaannya pada Hari Kiamat kelak. Dan tidak akan diterima daripadanya sebarang tebusan dan juga taubat”.

Fasal ini menunjukkan prinsip keadilan dan kedaulatan undang-undang diberi jaminan sepenuhnya. Menurut Shukeri Mohamad (2022) masyarakat Madinah berhak mendapat perlindungan perundangan dan keadilan sebagaimana tercatat dalam Fasal 36 (b) dan 47. Fasal 36 (b) yang menjelaskan bahawa hukuman akan dikenakan mengikut kesalahan yang dilakukan tanpa mengira kedudukan. Hukuman akan dikenakan ke atas diri dan keluarga namun golongan yang dizalimi tidak dikenakan hukuman. Fasal 36 (b) menyebut bahawa:

“Tidak boleh disekat daripada membalas kecederaan yang dilakukan oleh mana-mana orang ke atas dirinya. Barang siapa membuat kejahatan maka balasannya adalah ke atas diri dan keluarganya kecuali orang yang dizalimi. Bahawa Allah SWT akan melindungi orang yang menghormati piagam ini”.

Dalam Fasal 47 menyatakan:

“Bahawa Piagam ini tidak boleh dipakai bagi melindungi orang yang zalim dan bersalah. Mulai dari saat ini barang siapa berpergian dari Madinah atau menetap di dalamnya adalah terjamin keselamatannya kecuali orang yang zalim atau yang bersalah. Dan bahawa Allah SWT merestui setiap orang yang membuat kebajikan dan bertakwa serta Muhammad SAW hendaklah diakui Pesuruh Allah SWT”.

Seterusnya, prinsip ini juga dapat dilihat dalam Fasal 37 (b) yang menjelaskan bahawa seseorang tidak akan dihukum kerana kesalahan yang dilakukan oleh individu lain. Seseorang yang melakukan kesalahan perlu bertanggungjawab manakalaindividu yang dizalimi perlu diberi pertolongan sewajarnya (Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy 1985). Fasal 37 (b) menyebut bahawa:

“Mana-mana orang tidak boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya dan pertolongan hendaklah diberi kepada orang yang dizalimi”.

Fasal-Fasal ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW melaksanakan keadilan kepada seluruh masyarakat Madinah tanpa mengira perbezaan latar belakang sosial. Prinsip ini bagi mewujudkan kesejahteraan insan dan keseimbangan sosial untuk mewujudkan negara yang aman dan harmonis. Menurut S. Abul A’la Maududi (1986), hak masyarakat Islam dan bukan Islam terjamin di bawah pemerintahan Islam.

PRINSIP TANGGUNGJAWAB

Islam meletakkan tanggungjawab kepada seluruh umat Islam untuk melaksanakan syariat Islam khususnya keadilan demi kesejahteraan manusia

sejagat (Wan Z. Kamaruddin Wan Ali & Ahmad Zuhdi t.t.). Lantaran, prinsip tanggungjawab amat penting untuk membangunkan individu, masyarakat dan negara. Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab bagi setiap anggota masyarakat Madinah (Lukman @ Zawawi Mohamad 2022). Hal ini supaya masyarakat majmuk dapat bekerjasama dalam menjaga keamanan Madinah sebagaimana pendapat Shukeri Mohamad (2022) bahawa:

“Nabi Muhammad SAW tidak memandang remeh kepada perbezaan dan kepelbagaian kaum. Baginda SAW menetapkan tanggungjawab kepada seluruh masyarakat Madinah supaya mereka dapat bekerjasama menjaga keamanan Madinah”.

Oleh sebab itu, masyarakat majmuk mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Menurut Zaleha Embong et al. (2023), Piagam Madinah menjelaskan dengan terperinci tanggungjawab masyarakat Madinah. Misalnya, golongan Muhajirin daripada kaum Quraisy mempunyai hak asal iaitu saling menanggung membayar dan menerima tebusan darah dengan cara yang baik serta adil. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 3 iaitu:

“Golongan Muhajirin daripada Quraisy di atas pegangan lama mereka. Mereka saling menanggung membayar dan menerima wang tebusan (*diat*) antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara berkebajikan dan adil dalam kalangan orang yang beriman”.

Suku-suku kaum dari Madinah seperti *Bani Auf*, *Bani al-Harith*, *Bani Sa'idah*, *Bani Jusyam*, *Bani al-Najjar*, *Bani 'Amru bin 'Auf*, *Bani al-Nabiet* dan *Bani Aus* juga mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu saling menanggung membayar dan menerima tebusan darah dengan cara baik dan adil. Tanggungjawab suku-suku ini sebagaimana yang tercatat dalam Fasal 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11. Dalam Fasal 12 pula menjelaskan tanggungjawab masyarakat sesama Islam supaya saling membantu memberi sumbangan untuk membayar wang tebusan darah dengan adil. Fasal 12 menyebut:

“Bahawa orang yang beriman tidak boleh membiarkan sebarang masalah antara mereka sendiri bahkan mesti sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan dengan berkebajikan untuk membayar wang tebusan darah dengan adil”.

Masyarakat Islam dan bukan Islam bertanggungjawab mempertahankan Madinah dan membiayai negara sebagaimana tercatat dalam Fasal 24, 37 dan 38 (Zaleha Embong et al. 2023). Tanggungjawab yang dipikul adalah membiayai kos

peperangan, memberi sumbangan harta benda dan senjata serta bekerjasama dengan masyarakat Islam dalam mempertahankan Madinah (Ibrahim Che' Noh 2001; Roziyah Sidik 2004; Abdul Monir Yaacob 1986). Fasal-Fasal tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 24:

“Bahawa orang Yahudi hendaklah turut membelanjakan bersama-sama orang Mukmin selama mana mereka itu berperang”.

Fasal 37:

“Bahawa orang Yahudi hendaklah membiayai negara dan hendaklah mereka tolong-menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang yang menganggotai piagam ini. Dan hendaklah mereka saling menasihati, membuat kebajikan terhadap perbuatan dosa”.

Fasal 38:

“Bahawa orang Yahudi hendaklah memikul biayaan bersama-sama orang mukmin selama mana mereka berada dalam keadaan perang”.

Menurut Roziyah Sidik (2004) pula, anggota masyarakat bertanggungjawab mengambil bahagian dalam hal perdamaian sebagaimana tercatat dalam Fasal 45 (b) dan 46. Fasal 45 (b) menyebut bahawa:

“Setiap pihak adalah berkewajipan mengambil bahagian masing-masing dalam satu-satu perdamaian”.

Manakala, Fasal 46 menyebut bahawa:

“Bahawa orang Yahudi Aus sendiri dan begitu juga orang yang bersekutu dengan mereka hendaklah memikul kewajipan sama seperti mana-mana pihak lain yang menganggotai piagam ini demi kebaikan semata-mata (perdamaian) daripada anggota-anggota piagam ini. Mereka hendaklah membuat kebajikan dengan tidak melakukan dosa kerana barang siapa yang membuat sesuatu maka dia yang menanggungnya sendiri. Allah SWT menyaksi akan kebenaran isi kandungan piagam ini dan merestuinnya”.

Fasal-Fasal ini jelas menunjukkan wujudnya prinsip tanggungjawab dalam Piagam Madinah. Rasulullah SAW menetapkan tanggungjawab kepada setiap anggota masyarakat supaya bekerjasama menjaga keamanan Madinah daripada ancaman musuh. Prinsip ini berjaya mendidik masyarakat Madinah tentang tanggungjawab terhadap tanah air dan mereka sanggup mengorbankan nyawa, masa dan harta untuk mempertahankan tanah air mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Piagam Madinah digubal dengan nilai *ta'awun* merangkumi prinsip toleransi, prinsip kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab. Prinsip-prinsip ini jelas terkandung di dalam fasal-fasal yang mendidik masyarakat sehingga membentuk kesejahteraan insan dan rasa kebersamaan dalam masyarakat Madinah. Amalan *ta'awun* ini turut mewujudkan hubungan kerjasama menyebabkan mereka sanggup menginfakkan harta dan pertaruhkan nyawa demi kemakmuran Madinah. Malah, Piagam Madinah turut memperkukuh permuafakatan, mengeratkan hubungan antara kaum dan saling membantu. Oleh sebab itu, Madinah menjadi sebuah negara yang aman dan harmoni. Madinah turut menjadi lambang kekuatan Islam dan benteng utama pertahanan Islam dalam menghadapi ancaman empat kuasa besar iaitu Rom, Parsi, kabilah-kabilah Arab di Semenanjung Tanah Arab dan kafir Quraisy Mekah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil daripada geran penyelidikan. Jutaan terima kasih khas kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja penyelidikan ini di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), nombor kod penyelidikan; FRGS/1/2020/SS0/UMK/02/3, Fasa 1, bagi tahun 2020.

SUMBANGAN PENGARANG

“Pengkonseptualan, Zaleha Embong.; metodologi, Zaleha Embong.; formal analisis, Zaleha Embong., Mohd Zulhafiz Said.; kesahan, Zaleha Embong.; sumber, Zaleha Embong., Mohd Zulhafiz Said.; penulisan-penyediaan draf asal, Zaleha Embong.; penulisan-menilai dan suntingan, Dian Mohammad Hakim, Mohd Zulhafiz Said.; pentadbiran projek, Zaleha Embong.; perolehan dana, Zaleha Embong. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

SENARAI TEMU BUAL

Temu bual bersama Prof. Dr. Lukman @ Zawawi bin Mohamad, pada 16 November 2022, Rabu, pukul 2.00 petang, secara dalam talian zoom.

Temu bual bersama Prof. Madya Dr. Shukeri bin Mohamad pada 6 Disember 2022, Selasa jam 11 pagi secara dalam talian zoom.

Temu bual bersama Profesor Dato' Wan Kamal Mujani pada 7 Februari 2023, Selasa jam 10 pagi secara dalam talian zoom.

RUJUKAN

- Abd al-Fattah El-Uwasi. 2007. *Introducing Islamic Jerusalem*. United Kingdom: Al Maktoum Institute Academic.
- Abdul Aziz Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Jalaluddin Abdul Malek and Mohd Mahzan Awang. 2016. Penglibatan sosial dan pembudayaan nilai murni melalui pembelajaran tidak formal dalam kalangan penduduk bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia* 34(2): 75–100. <http://dx.doi.org/10.21315/km2016.34.2.4>
- Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah dan Konsepnya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. 1996. Membentuk Generasi yang Bertanggungjawab. In *Kontemporari Islam*, edited by Khairul Azhar Idris. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Mahmood et al. 2009. Penerimaan Bukan Islam terhadap Proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2, 33-51.
- Abdullah Ahmad Qodiry Al-Ahdal. 2003. *Tanggungjawab dalam Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Abu Dzar Ahmad et. al., 2023. Relevansi Sabar dalam Pembangunan Moral Komuniti Kejiranan Menurut Pendekatan Nabawi. *Islamiyyat*, 45(1), 243-252.
- Abubakar Aceh. 1970. *Toleransi Nabi Muhammad dan Para Sahabatnya*. Solo: Ramadhani.
- Afzal Iqbal. 2000. *Diplomasi Islam* (Trans. Samson Rahman: *Diplomacy in early Islam*). Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy. 1985. *Piagam Madinah: Pandangan dan Ulasan* (Terj. Abu Bakar Hamzah). Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.
- Ahmad Izzuddin Abu Bakar. 2018. Strategi Rasulullah SAW dalam Mengukuhkan Kestabilan Negara. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 14(2), 102-115.
- Ahmad Khairuddin. 2007. Konstitusi Madinah Latar Belakang dan Dampak Sosialnya. *Al-Banjari*, 5(9), 1-20.
- Ahmad Munawar Ismail & Abdul Muhaimin Mahmood, 2022. Pemikiran al-Ghazali tentang Hubungan antara Muslim dengan Muslim dan Muslim dengan Non Muslim. *Islamiyyat*, 44(Isu Khas), 61-70.
- Ahmad Nasir et. al., 2021. Piagam Madinah dalam Pembentukan Peradaban Multi-etnik Pasca Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 6(8), 269-280.
- Al-Bukhary. 2009. *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III & IV* (Trans. H. Zainuddin Hamidy et al.).
- Ali Khan. 2003. The Reopening of the Islamic Code: The Second Era of Ijtihad, *University of St. Thomas Law Journal*, 1(1), 341-385.
- Aunur Rafiq. 2009. *Pendamaian Menurut Perspektif Al-Qur'an: Analisis tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah*. Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya.
- Awang, A. and Mohd Hambali, K. 2017. Apresiasi dialog kehidupan berhikmah komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 24(1): 1–22, <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.1>
- Burgess, M. E. 1998. The Resurgence of Ethnicity: Myth or Reality. *Ethnic and Racial Studies*, 1(3), 265-285.
- Che Bakar Che Mat et al. 2007. *Pengenalan kepada Sistem Kemasyarakatan dan Kenegaraan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Che Zarrina & Mohd Manawi. 2017. Beberapa Persoalan Berkaitan Konsep Insan. *Afkar*, 19, 87-114.
- Denny, F. M. 1977. Ummah in the Constitution of Medina. *Journal of Near Eastern Studies*, 36(1), 39-47.
- Embong et al. 2021. Principles of Social Integration in the Constitution of Medina. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 1(1), 382-390.
- Embong, Z. 2018. Conflict Management in the Constitution of Medina: An Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 396–414.
- Embong, Z., Musa, N. Y., Muslim, N., & Bukhari, N. I. A. 2020. Analysis of Ethnic Relations in the Medina Charter. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 10(10), 22-31.
- Guillaume, A. 2004. *The Life of Muhammad*. Karachi: Oxford University Press.
- Hairol Anuar Mak Din et al. 2020. Hubungan Sosial Rentas Etnik ke Arah Pengukuhan Kesepaduan Sosial di Malaysia. *Islamiyyat*, 42(Isu Khas): 107-113.
- Huntington, S. 1999. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. Kaherah: Dar Suttur.
- Ibnu Khaldun. 1993. *Mukadimah Ibn Khaldun* (Trans. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Che' Noh. 2001. *Prinsip-Prinsip Perpaduan Kaum di Malaysia: Satu Kajian Menerusi Piagam Madinah dan Al-Qur'an dan Al-Sunnah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Izzuddin. 2008. Konsep Ummah dalam Piagam Madinah. *Jurnal Darussalam*, 7(2), 109-122.

- Khairul 'Azmi Mohamad & Nooraini. 2009. Nilai yang mendasari Integriti dan amalan Masyarakat Hadhari. In *Ke arah Umat Hadhari*, disunting oleh Khairul 'Azmi Mohamad et al. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
- Maher Abu-Munshar. 2007. *Islamic Jerusalem and its Christians: A History of Tolerance and Tensions*. London: Tauris Academic Studies.
- Mat Saad Abdul Rahman. 1995. Kedudukan Masyarakat Bukan Islam dalam Sejarah Pemerintahan Islam. Dlm. *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Maududi, S. Abul. 1986. *Khilafah dan Kerajaan* (Trans. Muhammad Al-Baqir). Bandung: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Mubarakfuri, Shaikh Sofiy Al-Rahman. 2011. *Sirah Rasulullah SAW* (Trans. Mohd Darus Senawi Ali: Al-Raheeq Al-Makhtum). Selangor: Crescent News (K.L) & Kumpulan Usahawan Muslim.
- Moha Asri Abdullah. 2010. *Industrialisasi dan Perubahan Sosial*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak jauh, Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2009. *Fiqah berinteraksi dengan non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd Nazmi Mohd Khalli, Suraya Sintang & Syamsul Azizul Marinsah. 2020. Rahmatan Lil'Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian Di Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 5, 33-40
- Muamar. 2007. *Piagam Madinah dan Teori Kontrak Sosial Jean Jacques Rousseau*. Tesis Sarjana Hukum Islam, UIN Syarif Hidayatul, Jakarta.
- Al-Maududi, S. Abul. 1995. *Tanggungjawab Umat Islam dihadapan Umat Dunia* (Trans. Ilzamudin Ma'mur). Jakarta: Gema Insani.
- Muhammed Hamidullah. 1968. *The Muslim Conduct of the State*. Lahore: Ashraf.
- Munir Muhammad Al-Ghadban. 2003. *Kerjasama Politik dalam Menegakkan Kerajaan Islam* (Terj. Mohd. Hapiz Mahaiyadin: Al-Tahaluf Al-Siyasi Fi Al-Islam). Selangor: Pustaka Ilmi.
- Mustafa Daud. 1991. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mustafa Ramadhan. 1991. *Inti sari Seerah Muhammad bin Abdullah SAW*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Nor Ashikin & Salmah Jan. 2017. Bustan al-Salatin Panduan kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja. *MANU*, 26, 51-75.
- Nozira Salleh & Maryam Zulaikha Ramlan, 2023. Kesan Penghayatan Ihsan terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Islam. *Islamiyyat*, 45(2), 3-13.
- Nur Asia. 2008. *Hubungan antara Harga Diri dan Asetivitas dengan Perilaku Prososial Remaja*. Laporan Ilmiah Fakulti Psikologi, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Nur Jasmine Lau Leby. 2008. *Residents' Perception of Liveable Neighbourhood Environment in Subang Jaya, Selangor, Malaysia*. Tesis Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia.
- O. P. Simorangkir. 1987. *Kesadaran Pikiran dan Tanggungjawab*. Jakarta: Yagrat.
- Peters, F. E. 1994. *Muhammad and the Origins of Islam*. New York: State University of New York Press.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1989. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Ramli Awang. 2003. *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Roziyah Sidik. 2004. *Genius Muhammad bin Abdullah*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- S. Khuda Bukhsh. 2017. *Contribution to the History of Islamic Civilization*. Lahore: Andesite.
- Sahibi Naim. 1983. *Kerukunan antar Umat Beragama*. Jakarta: Gunung Agung.
- Sharep, K. 2018. Perkembangan Jamaah Tabligh di Malaysia, 1970–1990- an. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 25(1): 115–140, <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.1.6>
- Siti Aisyah Samudin. 2021. Sejarah Diat dan Aqilah Serta Pelaksanaannya Pada Masa Kini. *Islamiyyat*, 43(2), 69- 80.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. 1993. *Ke arah Negara Maju berdasarkan Sistem Nilai*. *Transkrip Forum Institut Kefahaman Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Norlina et. al. 2004. Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis. *ResearchGate*.
- Suraya Sintang, Assis Kamu & Mohd Nazmi Mohd Khalli. 2022. Interaksi sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah. *Kajian Malaysia* (Early view).
- Wan Z. Kamaruddin Wan Ali & Ahmad Zuhdi. n.d. *Konsep Kewajibandan Tanggungjawab (al-Taklif) dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya dalam Kehidupan Masyarakat Muslim*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Watt, W. M. 1956. *Muhammad at Medina*. London: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad. 1973. *Piagam Nabi Muhammad SAW: Konstitusi Negara Bertulis Pertama di Dunia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Zaleha Embong et al., 2018. The Medina Treaty from the Ethnicity Perspective, *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(3), 2018, 1037–1048.
- Zaleha Embong et al., 2023. Principle of Responsibility in the Medina Charter to Build Cooperative Relations of the Cross-Cultural Community. *Islamiyyat*, 45(1), 173-180.
- Zul-kifli Hussin. 2003. *Konsep Tasamuh Menurut Perspektif Islam dan Sejarah Penghayatannya*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.